

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 17 Mei 2016 16:38
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PERTEMUAN DI RIMBA HIJAU BERPUTIK KERJASAMA LKPI - SUTRANITA



17 MEI 2016 / 10 SYAABAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

PERTEMUAN DI RIMBA HIJAU BERPUTIK KERJASAMA LKPI - SUTRANITA



ANJUNG TAMU ONLINE: Persekitaran hijau sememangnya tidak dapat disangkal lagi akan kepentingannya dalam memberi keseimbangan pada mental dan fizikal seseorang. Malahan sifat tumbuh-tumbuhan selain sebagai pembekal udara, ia juga bertindak sebagai penenang dan penyejuk jiwa manusia.

Justeru, Universiti Di Rimba Hijau yang dipenuhi alam semulajadi, flora dan fauna diperkenalkan kepada Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Negeri Kedah (LKPI).

Pengerusi LKPI, Dato' Hajah Daharah Ismail berkata,

“Lawatan ke UUM mengujakan 70 orang Ahli Jawatankuasa serta ahli LKPI, program lawatan yang terbaik dan menarik hati”.

Beliau yang diiringi oleh Naib Pengerusi 1 LKPI, Dato' Barishah Saad, Bendahari Kehormat LKPI, Datin Hajah Kalsom Malalily Dali, Pengerusi Biro Pendidikan & Kursus, Hajah Salmah Ahmad tiba di Welcome Centre untuk diberikan taklimat mengenai asal usul dan pemimpin yang berjasa terhadap pembangunan dan pemodenan UUM.

Seterusnya wajah gembira delegasi jelas kelihatan ketika melawat sekitar kampus sebelum menghadiri program berikutnya.

Dalam pada itu, rata-rata delegasi LKPI melahirkan rasa bertuah dapat bertemu dengan Yang Dipertua Persatuan Wanita UUM (SUTRANITA), Datin Seri Norhayati Nazri dalam majlis jalinan mesra bersama Sutranita yang diadakan di EDC Hotel.

Menurut Datin Seri Norhayati, “kunjungan delegasi dari LKPI memberi petanda baik sempena Discover UUM untuk menjalin kerjasama yang padu di antara LKPI dan Sutranita”.

Turut diadakan ceramah Ihya Ramadan yang mendapat sambutan hangat daripada delegasi yang mengemukakan pelbagai soalan kepada penceramah jemputan, pensyarah kanan Pusat Pengajian Umum, Dr. Mohd. Nizho Abdul Rahman.

Majlis yang diakhiri dengan pertukaran cenderamata di antara UUM-LKPI menyaksikan bahawa pelbagai kerjasama bakal dilaksanakan dalam tempoh yang terdekat.

“Terima kasih di atas sambutan”.

“Tahniah dan syabas!. kata Dato’ Hajah Daharah sebelum beliau bertolak pulang.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

